

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



MAJLIS MAHABBAH AIDILFITRI 1443H

اویونسیتی تکنیکال ملکا

24 Mei 2022 bersamaan 23 Syawal 1443H, 10.00 pagi
Perkarangan Dewan Canselor UTeM

SALUTASI

-seperti di lampiran

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh keluarga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir bersama-sama ke Majlis Mahabbah Aidilfitri 1443H, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun Canselor terhadap perkembangan Universiti akan menambah meriahkan lagi setiap program yang dianjurkan oleh Universiti

tercinta ini, dan menyemarakkan lagi keazaman seluruh warga untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian semua para tetamu yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama pada majlis hari ini. Kehadiran hadirin dan hadirat sekalian amat kami alu-alukan dan pastinya dapat menyemarakkan lagi sambutan Mahabbah Aidilfitri di UTeM pada kali ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Hadirin dan Hadirat sekalian,

4. Sesungguhnya sambutan Majlis Mahabbah Aidilfitri pada tahun ini merupakan satu majlis yang dirancang untuk dianjurkan secara besar-besaran dan dengan penuh meriah. Setelah 2 tahun majlis sambutan ini tidak dapat dianjurkan kerana Pandemik COVID-19, alhamdulillah dengan izinNya tahun ini kita dapat bersama-sama meraikannya semula.
5. Bukan itu sahaja, Majlis Mahabbah Aidilfitiri ini juga merupakan Majlis Mahabbah Aidilfitri yang pertama saya sebagai Naib Canselor UTeM. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada Tun Canselor, Pro Canselor di samping pihak Kerajaan Tempatan, Lembaga Pengarah Universiti, pihak pengurusan dan seluruh warga UTeM

di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk meneruskan kesinambungan kecemerlangan kepimpinan tertinggi Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Tuan Yang Terutama Tun, Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Hari ini genaplah 23 hari kita berada dalam bulan Syawal. Walaupun Ramadhan telah meninggalkan kita dan Syawal juga semakin hampir berlalu, namun iktibar dan pengajaran daripada bulan mulia ini hendaklah kekal menjadi ingatan dan amalan berterusan di dalam diri kita semua.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

7. Sambutan Aidilfitri amat bermakna kepada seluruh umat Islam malah ia turut memberi makna kepada yang bukan beragama Islam khasnya keluarga UTeM. Ini adalah kerana, ia merupakan peluang terbaik untuk masyarakat di negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum, agama dan budaya untuk berkongsi kegembiraan dan keceriaan sambutan perayaan ini.
8. Majlis seumpama ini merupakan peluang terbaik kepada seluruh keluarga UTeM dalam mengukuhkan semangat kekeluargaan dan perpaduan sesama kita. Walaupun semangat kekeluargaan di tempat kerja tidak sekukuh pertalian keluarga sendiri, namun semangat ini perlu diterapkan dalam diri kita untuk memastikan

keharmonian sesebuah organisasi dan seterusnya negara kita yang tercinta.


Tuan Yang Terutama Tun, Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Pada hari ini juga kita turut akan mengadakan pertunjukan Drone. Pertunjukan ini adalah untuk menyerlahkan DNA UTeM sebagai sebuah Universiti TVET. Bukan itu sahaja, pertunjukan ini juga merupakan satu kerjasama di antara UTeM dengan industri dalam membantu kerajaan negeri.
10. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas

kelapangan masa Tuan Yang Terutama Tun, semua dif-dif kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan untuk hadir bersama-sama meraikan majlis Mahabbah Aidilfitri UTeM 1443H.

11. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih kepada pihak penaja di atas kesudian untuk turut terlibat di dalam penganjuran Majlis ini.
12. Akhir kata, saya berdoa mudah-mudahan perjalanan majlis pada pagi ini memperoleh keberkatanNya dan semoga Keluarga UTeM

dilimpahi taufik hidayah dan kekuatan untuk memacu Universiti ini ke arah yang lebih cemerlang.



Hinggap si Nuri di hujung daham,
Tempat berteduh si anak teruna;
Mahabbah bertaut eratkan kemesraan,
Aidilfitri disambut penuh bermakna.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor di atas kesudian hadir ke majlis Mahabbah Aidilfitri pada kali ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

اویونسیتی تکنیکال ملیسا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA